GARIS PANDUAN
PROGRAM SKIM PEMERKASAAN KEUSAHAWAN LUAR BANDAR (SPKLB) TAHUN 2026

1.0 TUJUAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan dasar dan kaedah pelaksanaan pemberian geran padanan penuh Program Skim Pemerkasaan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

1.2 Rujukan kepada Agensi Pelaksana dan Pembayar serta semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program ini dan menjadi rujukan juga kepada masyarakat umum/ usahawan yang ingin mendapatkan bantuan pemberian geran SPKLB ini.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 **Program Skim Pemerkasaan Keusahawanan Luar Bandar** merupakan inisiatif oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (BPUD), KKDW yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program keusahawanan bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat luar bandar. Program ini terdahulunya dikenali dengan nama lama iaitu **Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar.**

2.2 Berikutan penularan wabak *Corona Virus Disease 2019* (COVID-19) pada tahun 2020 yang telah banyak merubah keadaan sosio ekonomi negara, Kementerian telah bersetuju bantuan berbentuk geran penuh menerusi Program SPKLB diperkenalkan dengan had maksima sebanyak RM10 ribu bagi membantu kelangsungan usahawan luar bandar yang terkesan pada ketika itu.

2.3 Walau bagaimanapun, program SPKLB ini diteruskan bagi membantu pengembangan perniagaan usahawan luar bandar dengan mengekalkan had maksima sebanyak RM10 ribu bagi setiap usahawan dengan syarat-syarat pelaksanaan yang terkandung dalam garis panduan ini.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Menyediakan geran penuh kepada usahawan bagi menampung kos operasi dan keperluan modal pusingan/ bahan mentah bagi meneruskan pengembangan perniagaan.

3.2 Menggalakkan usahawan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang bernilai tinggi bagi meluaskan pasaran dan peningkatan pendapatan.

4.0 KUMPULAN SASAR

4.1 Kumpulan sasar bagi pelaksanaan Program ini terdiri daripada **usahawan luar bandar** yang terlibat di dalam pelbagai sektor perniagaan dan perkhidmatan yang komited untuk mengembangkan perniagaan melalui teknologi dan inovasi namun kekurangan modal untuk meningkatkan keupayaan keluaran dan perkhidmatan.

4.2 Usahawan akan dipilih berdasarkan potensi produk dan perkhidmatan yang sedang diusahakan semasa permohonan dibuat.

4.3 Syarat-syarat dan kriteria kumpulan sasar yang **LAYAK** adalah seperti berikut:

(i) Warganegara Malaysia;
(ii) Bumiputera (Melayu, Orang Asli Semenanjung, Masyarakat Peribumi Sabah / Sarawak);

(iii) Berumur 21 tahun dan ke atas;

(iv) Milikan tunggal, perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad;

(v) Perniagaan perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Semenanjung Malaysia atau Ordinan Perniagaan di Sabah dan Sarawak);

(vi) Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan menjalankan perniagaan sepenuh masa;

(vii) Perniagaan beroperasi dan mempunyai alamat berdaftar di luar bandar dengan merujuk kepada takrifan senarai Parlimen di bawah Majlis Pembangunan Luar Bandar seperti di **Lampiran A** serta tertakluk kepada lokaliti kawasan/ daerah luar bandar;

(viii) Mempunyai lesen berniaga iaitu kebenaran menjalankan perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau pengesahan di Luar Kawasan Seliaan oleh PBT, kecuali bagi perniagaan berasaskan rumah *(home-based)* yang tertakluk di bawah Garis Panduan Kawal Selia Perniagaan Dari Rumah atau lain-lain peraturan pihak berkuasa berkaitan;

(ix) Beroperasi di premis perniagaan yang bersesuaian;

(x) Pemohon tidak disenaraihitam oleh mana-mana institusi kewangan/ KKDW; dan

(xi) Jumlah jualan kasar tahunan adalah RM150,000 dan ke bawah.

4.4 Pemohon yang telah mendapat bantuan geran daripada mana-mana program di bawah KKDW atau Agensi Pelaksana dan Pembayar yang bernilai melebihi RM50,000 tidak layak untuk memohon geran SPKLB. Manakala, bagi penerima bantuan di bawah RM50,000 layak dipertimbangkan untuk memohon SPKLB selepas setahun mendapat bantuan tersebut.

4.5 Pemberian geran SPKLB ini adalah bersifat *one-off*. Mana-mana usahawan yang telah menerima geran SPKLB tidak layak untuk memohon lagi walaupun permohonan dikemukakan kepada Agensi Pelaksana dan Pembayar yang berbeza.

5.0 SKOP BANTUAN

5.1 Skop bantuan yang diberikan melalui geran ini adalah seperti berikut:

(i) Pembelian atau baik pulih aset/ mesin/ peralatan

(a) Aset, mesin dan peralatan yang digunakan untuk menjalankan perniagaan; dan

(b) Peserta digalakkan mengambil polisi insurans ke atas mesin/peralatan sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

(ii) Pengubahsuaian Premis Perniagaan

(a) Tapak premis mendapat kelulusan beroperasi/ kebenaran sementara daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau lain-lain peraturan melalui salinan geran atau perjanjian kebenaran pemilik asal;

(b) Pengubahsuaian premis perlu mendapatkan kelulusan pelan bangunan/ premis daripada PBT terlebih dahulu atau lain-lain pihak berkuasa berkaitan jika perlu; dan

(c) Menaiktaraf sistem pendawaian tiga (3) fasa *(3-phase)* premis perniagaan yang bersesuaian dengan keperluan kapasiti semasa.

(iii) Modal pusingan/ modal kerja/ Bahan Mentah

(a) Bantuan modal pusingan/ modal kerja/ bahan mentah merangkumi keperluan jangka pendek bagi operasi perniagaan.

5.2 Projek-projek usahawan luar bandar yang dicadangkan perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

(i) Menepati skop projek, kumpulan sasar dan kadar bantuan yang telah ditetapkan;

(ii) Berdaya maju *(viable*) iaitu boleh memberi peningkatan/ tambahan pendapatan kepada usahawan dan berdaya tahan *(sustainable)* serta mempunyai prospek pasaran yang berpotensi untuk berkembang; dan

(iii) Keutamaan pelaksanaan projek ke arah usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada penduduk setempat.

6.0 KADAR PEMBERIAN GERAN

6.1 Pemberian penuh 100% geran.

6.2 Nilai pemberian geran yang ditawarkan adalah antara RM3,000 sehingga RM10,000.

7.0 PERUNTUKAN PROGRAM

7.1 Peruntukan untuk pelaksanaan Program SPKLB adalah di bawah Bajet Pembangunan (DE).

7.2 Peruntukan geran SPKLB akan disalurkan kepada Agensi Pelaksana dan Pembayar setelah mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal KKDW.

7.3 Agensi Pelaksana dan Pembayar dikehendaki untuk melaksanakan proses perolehan mengikut tatacara kewangan dan perolehan semasa Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

8.0 KAEDAH PELAKSANAAN

8.1 Program ini dilaksanakan oleh KKDW dengan kerjasama daripada Agensi Pelaksana dan Pembayar yang dilantik oleh Kementerian.

8.2 Terdapat 15 Agensi Pelaksana dan Pembayar bagi program SPKLB seperti berikut:

(i) Majlis Amanah Rakyat (MARA);
(ii) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
(iii) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
(iv) Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA);
(v) FELCRA Berhad;
(vi) Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA);
(vii) Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH);
(viii) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR);
(ix) Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA);
(x) Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA);
(xi) Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP);
(xii) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA);
(xiii) Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP);
(xiv) Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB); dan
(xv) Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

8.3 Walau bagaimanapun, senarai Agensi Pelaksana dan Pembayar seperti di para 8.2 boleh berubah mengikut keputusan dasar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

8.4 Borang permohonan boleh didapati di semua pejabat Agensi Pelaksana dan Pembayar atau secara atas talian di laman sesawang KKDW http://www.rurallink.gov.my. Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dihantar ke Agensi Pelaksana dan Pembayar yang berkaitan dengan kawasan pemohon. Bagi permohonan di Luar Kawasan Wilayah (LKW), pemohon boleh menghantar borang permohonan ke MARA atau KEMAS.

8.5 Agensi Pelaksana dan Pembayar bertanggungjawab menerima permohonan dan melakukan proses saringan di peringkat agensi bagi memastikan permohonan yang menepati syarat-syarat dan kriteria sahaja yang disyorkan untuk kelulusan Jawatankuasa Penilaian Program SPKLB (JPP SPKLB).

8.6 Setiap Agensi Pelaksana dan Pembayar akan melaksanakan siasatan awal ke atas permohonan mengikut kawasan seliaan masing-masing.

8.7 Permohonan yang tidak menepati syarat/ skop/ dasar Garis Panduan SPKLB boleh ditolak lebih awal di peringkat Agensi Pelaksana dan Pembayar yang terlibat secara langsung di peringkat operasi dan pemantauan.

8.8 JPP SKPLB berperanan untuk mempertimbangkan kelulusan permohonan SPKLB, menyelaras dan memantau mekanisme pelaksanaan program berpandukan kepada dasar, garis panduan dan dokumentasi prosedur kerja.

9.0 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

9.1 Peserta SPKLB hendaklah mengemukakan Laporan Prestasi kepada Agensi Pelaksana dan Pembayar secara bulanan.

9.2 Peserta SKPLB perlu menunjukkan peningkatan pendapatan sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) dalam tempoh pemantauan program.

9.3 Peserta SPKLB perlu melaporkan kemajuan perniagaan dari segi pertambahan bilangan pekerja, hasil jualan dan pendapatan, pertambahan jumlah cawangan premis dan lain-lain.

9.4 Peserta SPKLB perlu memastikan aset/ mesin/ peralatan dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat digunakan.

9.5 Tempoh pemantauan bermula selepas pembekalan disempurnakan selama 12 bulan.

9.6 Agensi Pelaksana dan Pembayar bertanggungjawab mengurus dan memantau peserta SPKLB bermula dari peringkat terimaan borang permohonan sehingga selesai pemantauan.

9.7 Agensi Pelaksana dan Pembayar hendaklah memantau rekod pendapatan yang diperolehi pada setiap bulan dan mula melaporkan kemajuan fizikal, kewangan projek dan analisa pendapatan kepada Kementerian secara berkala (suku tahunan).

9.8 Pihak Kementerian atau Agensi Pelaksana dan Pembayar boleh melakukan lawatan secara berkala atau mengejut *(ad hoc)* untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual.

9.9 Agensi Pelaksana dan Pembayar hendaklah melaporkan dengan segera mengenai sebarang isu dan permasalahan kepada

Kementerian sama ada projek yang gagal atau ditamatkan operasi atau isu-isu pelaksanaan yang berkaitan.

9.10 Sekiranya dalam tempoh pemantauan berlakunya **kes kematian, bencana alam, dan kebakaran**, peserta akan diberi **pelepasan** ke atas aset/ mesin/ peralatan yang telah diterima.

9.11 Peserta yang menarik diri atau tidak meneruskan program tanpa sebab yang munasabah atau gagal mendapatkan pelepasan dari pihak Kementerian atau selain sebab-sebab di para 9.10 boleh disenarai hitam untuk program-program Kementerian di masa akan datang.

9.12 Peserta yang berpindah lokasi/ premis perniagaan, perlu memaklumkan kepada Agensi Pelaksana dan Pembayar yang berkaitan terlebih dahulu dan segala kos perpindahan aset/ peralatan adalah di bawah tanggungjawab peserta.

10.0 TARIKH KUATKUASA

10.1 Pemakaian Garis Panduan SPKLB berkuat kuasa serta-merta dan pemakaian Garis Panduan SPKLB Tahun 2020 adalah terbatal.

11.0 PINDAAN

11.1 Perkara-perkara yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini boleh ditambahbaik dan dikemaskini dari semasa ke semasa dengan persetujuan dan kelulusan JPP SPKLB atau Pengurusan Tertinggi KKDW.

11.2 Garis Panduan ini kekal terpakai walaupun terdapat perubahan pada nama Kementerian, nama Program bersesuaian dengan keadaan semasa pada ketika itu.

12.0 PEMATUHAN KEPADA AGENSI PELAKSANA

12.1 Agensi Pelaksana dan Pembayar perlu mematuhi dasar dan polisi yang ditetapkan oleh pihak Kementerian dari semasa ke semasa.

12.2 Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program, sila hubungi:

Bahagian Pembangunan Usahawan Desa
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 19, No.47, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
Tel: 03-8891 5635/5620/5630/5616
No. Faks: 03-8891 2341